

# Peranan Strategik Persempadanan Semula Bahagian Pilihan Raya 2016-2017 Menuju Pilihan Raya Umum Ke-14 di Kawasan Parlimen (P137) Bukit Katil, Melaka

*Strategic Role of Reboundary of Electoral Constituency 2016-2017 Toward 14<sup>th</sup> General Election in Parliamentary Constituency Area of (P137) Bukit Katil, Melaka*

Ding Chin Wei  
Junaidi Awang Besar

Program Geografi  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

jab@ukm.edu.my

## ABSTRAK

*Pada tahun 2016, Suruhanjaya Pilihan Raya mensyorkan cadangan persempadanan semula bahagian pilihan raya Parlimen Bukit Katil, Melaka. Berlaku perubahan kepada sempadan dan nama Parlimen tersebut. Perubahan sempadan dilihat dapat memberi kesan kepada parti politik, persekitaran dan keputusan Pilihan Raya Umum ke-14 akan datang di kawasan tersebut. Oleh itu, adalah menjadi tujuan kajian ini untuk mengkaji peranan strategik persempadanan semula bahagian pilihan raya menuju pilihan raya umum ke-14 di kawasan Parlimen (P137) Bukit Katil, Melaka. Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik terhadap 100 orang responden di lapangan dan rujukan terhadap sumber sekunder iaitu buku-buku akademik yang berkaitan tajuk kajian, artikel jurnal, kertas seminar dan persidangan/prosiding, akhbar dan rujukan atas talian/online. Dapatan kajian ini menunjukkan majoriti responden mendapatkan sumber maklumat persempadanan semula daripada media elektronik dan ia dijadikan sebagai sumber maklumat yang paling dipercayai dalam kalangan pengundi. Hasil daripada kajian impak terhadap persekitaran fizikal, impak terhadap persekitaran sosial, impak terhadap persekitaran ekonomi dan impak terhadap persekitaran politik menunjukkan bahawa perbezaan dan pandangan yang ketara dimana responden mempunyai kebolehterimaan yang berbeza. Justeru, dapat dan perbincangan kajian ini adalah penting untuk dijadikan panduan oleh pihak berkenaan untuk sama ada mengekalkan sokongan ataupun mengembalikan sokongan pengundi kepada pihak berkenaan menjelang pilihan raya umum akan datang.*

**Kata kunci:** Parlimen, persempadanan semula, pengundi, parti politik, pilihan raya

## ABSTRACT

*In 2016, the Election Commission recommended the proposed re-delineation of the Bukit Katil parliamentary constituency, Malacca. There has been a change to the borders and names of the parliament. Border changes are seen to affect the political parties, the environment and the results of the upcoming 14th General Elections in this area. Hence, it is the purpose of this study to study the strategic role of the redelineation of the constituency to the 14th general election in Parliamentary constituency (P137) of Bukit Katil, Melaka. This study used a questionnaire on 100 respondents in the field and references to secondary sources namely academic books related to research titles, journal*

*articles, seminar papers and conferences/proceedings, newspapers and online references. The findings show that the majority of respondents have access to redelineation information from electronic media and is the most reliable source of information amongst voters. As a result of the impact assessment on the physical environment, the impact on the social environment, the impact on the economic environment and the impact on political affects show that the differences and the viewpoints in which respondents have different acceptance. Hence, the findings and discussions of this study are important to be guided by the parties to either maintain support or return the support of the voters to the parties ahead of the next general election.*

**Keywords:** *Parliament, redelineation, voters, political parties, elections*

## 1. Pengenalan

Persempadanan bahagian pilihan raya merupakan sebahagian daripada fungsi utama Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR). SPR bertanggungjawab untuk mengkaji semula sempadan bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan Negeri setiap tidak kurang daripada 8 tahun. Perkara ini termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Persempadanan bahagian pilihan raya amat berkait rapat dan menjadi elemen yang amat penting dalam proses pilihan raya. Persempadanan adalah angkubah penting yang turut diguna pakai bagi tujuan lain seperti sosioekonomi, kebudayaan, kewilayahan dan banyak lagi yang akan berubah mengikut peralihan yang berlaku. Oleh itu adalah menjadi objektif kajian ini adalah untuk mengkaji peranan strategik persempadanan semula bahagian pilihan raya menuju Pilihan Raya Umum ke-14 di kawasan Parlimen (P137) Bukit Katil, Melaka. Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk i) mengenalpasti tahap pengetahuan dan penyertaan responden dalam proses persempadanan semula bahagian pilihan raya di kawasan Parlimen Bukit Katil, Melaka; ii) menghuraikan impak persempadanan semula terhadap sosioekonomi dan politik; dan iii) menganalisis pengaruh persempadanan semula bahagian pilihan raya terhadap politik pilihan raya.

## 2. Tinjauan Literatur

Bagi kajian berkaitan geografi politik dan pilihan raya, Amer Saifude (2009; 2015) menjelaskan bahawa geografi pilihan raya ialah satu bidang kajian mengenai perbezaan aspek geografi seperti kawasan, persempadanan, kependudukan, pembangunan dan pengaruh ekonomi terhadap trend politik kewilayahan. Aspek utama dalam kajian geografi pilihan raya ialah pengaruh proses politik dalam ruang geografi. Dalam erti kata lain, geografi pilihan raya menekankan aspek analisis geografi dalam pilihan raya iaitu kajian tentang pola ruang dan kuasa dalam pengundian serta pengaruh faktor sejarah, sosiologi, ekonomi dan faktor setempat terhadap tingkah laku pengundi dan keputusan pilihan raya di sesuatu kawasan. Faktor yang dikaji adalah untuk mengetahui sejauhmana aspek geografi manusia mempengaruhi pola sokongan sesebuah parti politik. Faktor geografi juga boleh mempengaruhi sesebuah parti politik membuat dasar/rancangan dan strategi mereka untuk mengekalkan sokongan di kawasan lemah atau faktor yang menggalakkan wakil rakyat menyokong keputusan untuk kepentingan pengundi di kawasan tersebut (Amer Saifude 2015).

Junaidi dan Mohd Faiz (2011) dan Junaidi et al. (2012a) dalam kajian geografi pilihan raya DUN Galas, Kelantan menjelaskan bahawa isu negeri dan nasional seperti isu tuntutan royalti minyak, kenaikan harga petrol, pembinaan Menara Warisan dan kes perbicaraan salah laku Ketua Pembangkang, tidak mempengaruhi pilihan politik pengundi di kawasan ini. Sebaliknya, isu setempat seperti hak milik tanah; perumahan; pembangunan

infrastruktur setempat; penerokaan tanah; pencemaran; perubahan landskap alam sekitar Lojing dan pemaparan janji-janji pembangunan yang sedang dan telah dilaksanakan oleh kerajaan pusat telah memberi kelebihan kepada BN untuk menjuarai ‘isu-isu rakyat’ di Galas. Faktor kemenangan juga dikaitkan dengan kepimpinan Pengarah Pilihan Raya DUN Galas iaitu Tengku Razaleigh Hamzah dan keberkesanan strategi kempen bersemuka dengan pengundi. Dari segi pola pengundian pula menunjukkan peningkatan jumlah undi yang diterima oleh calon Barisan Nasional (BN) bagi kesemua lokasi dan etnik.

Junaidi et al. (2016) dalam kajian geografi pilihan raya kawasan DUN Manir, Terengganu mendapati bahawa faktor idealisme atau fahaman keislaman dan perkauman Melayu yang kuat dan sehati, ketokohan calon, faktor sosiologi atau kekeluargaan, faktor anak tempatan, faktor kekuatan jentera parti dan faktor isu semasa dan setempat mempengaruhi sokongan pengundi kepada PAS dan BN/UMNO mengikut kawasan-kawasan daerah mengundi tertentu. Pengundi di kawasan DUN Manir ini yang tidak terlalu ramai (tidak lebih 15,000 orang pengundi pada PRU 2013), lebih ramai bersikap partisan turun-temurun dalam keluarga masing-masing serta pengundi atas pagar yang agak minimum menyebabkan jentera parti berkempen untuk mengukuhkan sokongan ahli parti sahaja. Meskipun kawasan DUN Manir dimenangi PAS terus-menerus sejak PRU 1990-2013 iaitu selama 6 penggal berturut-turut namun dengan majoriti yang kurang 500 undi setiap pilihan raya tersebut (kecuali PRU 1999 dan 2013) membuktikan kawasan ini masih mampu sama ada kekal dimenangi PAS ataupun masih dapat ditawan oleh BN/UMNO. Justeru, kawasan yang marginal ini menarik untuk dikaji atau dianalisis terhadap perubahan persempadanan bahagian pilihan raya, komposisi etnik pengundi, keputusan pilihan raya, faktor kemenangan atau kekalahan dan pola pengundian untuk kegunaan dan rujukan parti politik mahupun ahli akademik dan pihak berkuasa/kerajaan kelak.

Junaidi (2016) dalam kajian analisis geografi pilihan raya, sosiopolitik dan sosiobudaya di kawasan Parlimen Bagan Serai, Negeri Perak Darul Ridzuan mendapati kawasan Parlimen Bagan Serai merupakan kawasan luar bandar yang dihuni majoriti Melayu terutamanya berketurunan Banjar yang berasal daripada Indonesia mempunyai sokongan kepada BN dan PAS/PKR yang seimbang, namun kedua-dua parti politik tersebut mempunyai penyokong atau kubu kuat di kawasan Daerah Mengundi tertentu iaitu BN di Alor Pongsu, Matang Gerdu, Changkat Lobak, Parit Simpang Lima, Kedai Dua, Pandak Puteh, Kubu Gajah, Kota Bandung, Telok Medan, Jalan Gula, Kampong Dew, Matang Jelutong dan Pondok Tanjong Barat manakala PAS/PKR di Mesjid Tinggi, Parit Gabis, Jalan Baharu, Parit Haji Amin, Gunong Semanggol dan Parit Haji Taib. Kawasan Parlimen ini juga mengalami persempadanan semula kawasan pilihan raya di samping merupakan tempat penubuhan PAS iaitu di Gunung Semanggol. Faktor identifikasi parti, ideologi keagamaan Islam, politik pembangunan, isu semasa dan faktor calon mempengaruhi sokongan pengundi kepada parti politik yang bertanding mengikut kawasan-kawasan daerah mengundi tertentu. Justeru, kawasan ini menarik untuk dianalisis mengenai perubahan persempadanan bahagian pilihan raya, keputusan pilihan raya, faktor kemenangan atau kekalahan dan pola pengundian untuk kegunaan dan rujukan parti politik mahupun ahli akademik dan pihak berkuasa/kerajaan kelak.

Junaidi (2017) dalam kajian “Geografi Pilihan Raya Negeri Pulau Pinang: Analisis Prestasi MCA dan DAP dalam Pilihan Raya Umum (PRU) 2013” mendapati keputusan PRU-13 menunjukkan perubahan corak pengundian yang dipengaruhi oleh senario yang berlaku dalam persekitaran sosial, ekonomi dan politik. Negeri Pulau Pinang merupakan negeri yang mempunyai ramai pengundi Cina iaitu 53.38 peratus. Secara keseluruhannya, MCA tewas di kesemua kerusi DUN di Pulau Pinang manakala DAP pula menang di 19 kerusi DUN di Pulau Pinang. Justeru, keputusan PRU tersebut dikaitkan dengan sokongan padu pengundi Cina kepada parti-parti dalam Pakatan Rakyat kerana budaya politik etnik

Cina yang menunjukkan mereka mempunyai pemikiran politik yang dinamik serta terbuka dalam memilih parti atau calon yang bertanding dalam pilihan raya tersebut. Faktor sokongan etnik Cina kepada parti politik lebih bersifat universal iaitu mementingkan isu nasional seperti isu rasuah, keadilan dan ketelusan berbanding isu lokal/setempat. Mereka juga bersifat 'berani berubah' secara total atau disebut sebagai 'tsunami politik' dengan memecah tembok 'status quo' BN.

Bagi aplikasi GIS dalam kajian politik dan pilihan raya, Rosmadi (2006) menyatakan sebelum ini kajian pilihan raya dan tingkah laku pengundian banyak dilakukan tanpa mengambilkira elemen ruangan dan keputusan pilihan raya dan tingkah laku mengundi di sesuatu kawasan merupakan satu fenomena yang mempunyai pertalian ruangan. Oleh itu, kajian sifat-sifat ruangan dan pertalian antara ruangan yang mempengaruhi keputusan pilihan raya merupakan satu aspek penting. Dalam analisis ruangan corak pengundian di Malaysia ini, aplikasi geografi politik dan Sistem Maklumat Geografi (GIS) digunakan bagi memperlihatkan corak ruangan di suatu kawasan pilihan raya dan analisis ini juga ditambah dengan analisis statistik. Sistem Maklumat Geografi (GIS) dilihat sebagai satu teknologi pengurusan maklumat ruangan yang cekap pada era teknologi maklumat. Kebanyakan pengurusan sistem maklumat sebelum ini merangkumi pangkalan data berupa atribut sahaja. Sementara GIS mempunyai pangkalan data atribut dan bersifat ruang. Maklumat pengundian dan pilihan raya seperti sempadan pilihan raya DUN dan parlimen, calon-calon, data pengundi, senarai pemilih yang banyak dapat diuruskan dalam masa yang singkat dengan menggunakan GIS.

Rosmadi et al. (2012) menyatakan bahawa Sistem Maklumat Geografi (GIS) merupakan salah satu teknologi maklumat yang berkembang begitu pesat dengan mengaplikasikan bidang politik pilihan raya bagi pembentukan model ruangan. Model ruangan membolehkan kita melihat dan meramalkan corak pilihan raya dengan lebih berkesan lagi dari sudut ruangan. Model ruangan pengundian yang akan dibentuk dapat memenuhi kedua-dua bidang iaitu ruang dan bukan ruangan dengan integrasi GIS untuk menjalankan analisis ruangan bersama dengan analisis regresi dalam pembentukan model.

Rosmadi et al. (2013b) menjelaskan bahawa perkembangan sistem maklumat geografi (GIS) mutakhir ini, secara tidak langsung telah meningkatkan penggunaan teknik tersebut dalam proses pilihan raya. Aplikasi ini berupaya mengesan, misalnya elemen kegagalan dalam bentuk gerimander (salamander) dalam proses persempadanan semula konstituensi. Analisis geospasial dalam sistem maklumat geografi telah digunakan untuk mengukur indeks kepadatan DUN yang dikaitkan dengan kesan gerimander. Hasil kajian menunjukkan 16 DUN di Kedah telah berlaku gerimander dengan bacaan indeks kepadatan yang rendah, iaitu antara 0.1 sehingga 0.5. Ini membuktikan bahawa telah berlaku gerimander dalam proses pilihan raya di Malaysia.

Rosmadi (2015) menyatakan pembangunan aplikasi GIS di Malaysia dilihat sangat berkembang pesat dan menggalakkan pada masa akan datang. Pada hari ini semua mahukan GIS. Akronim GIS semakin menjadi sebutan bukan sahaja kepada pengguna tegar GIS tetapi juga kepada mereka yang luar lingkungan GIS seperti ahli perniagaan, ahli politik, ahli sejarawan dan orang ramai. Penglibatan vendor utama membuktikan fakta bahawa GIS dilihat sebagai salah satu kebangkitan teknologi baru dalam pasaran informasi dan teknologi komputer. GIS merupakan satu alat multi disiplin untuk pengurusan data ruangan. GIS sememangnya rumit kerana keperluan integrasi data dari pelbagai sumber. Pelbagai pembangunan dan pembaharuan dapat dicapai hasil dari penggunaan GIS.

Bagi kajian persempadanan bahagian pilihan raya, Brown (2005) melihat kepada faktor etnik yang menjadi asas kepada persempadanan semula kawasan pilihan raya pada tahun 2003 dan corak pengundian dalam lima pilihan raya umum bermula pada tahun 1986 hingga 2004. Beliau membincangkan berkaitan dengan proses persempadanan semula yang

mengurangkan bias etnik dalam kawasan pilihan raya tetapi sebaliknya meningkatkan ketidakseimbangan dalam saiz kawasan pilihan raya. Beliau juga berpendapat faktor etnik penting dalam mencorakkan sokongan kepada parti-parti politik yang bertanding. Sothi (1992) menjelaskan parti yang menguasai sesuatu kerajaan dapat memastikan persempadanan semula bahagian pilihan raya menguntungkan parti tersebut dari segi pertambahan kerusi ataupun pembentukan bahagian pilihan raya yang dapat memenangkan parti tersebut.

Syed Azman (2003) menjelaskan persempadanan semula bahagian pilihan raya negeri-negeri Tanah Melayu 2003 adalah bias dan memihak kepada parti pemerintah seterusnya melanggar prinsip persempadanan bahagian pilihan raya yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan. Lim (2003) dalam kajiannya mengenai kaitan antara persempadanan kawasan pilihan raya dengan pengukuhan kuasa UMNO telah mendapati sepanjang proses persempadanan yang telah dilakukan ianya tetap memberi keuntungan kepada parti UMNO di mana perwakilan parti ini dalam Parlimen sentiasa melebihi 2/3. Ini dapat dibuktikan melalui pilihan raya yang dilakukan menunjukkan UMNO menjadi pilihan yang utama bagi orang Melayu. Walaupun dalam pilihan raya 1999 peratus sokongan terhadap parti ini sedikit menurun namun UMNO masih lagi menjadi super power kerana keterikatannya dalam Barisan Nasional. Norelfaedyla (2005) dalam kajian persempadanan semula bahagian pilihan raya DUN Kajang 2003 mendapati bahawa persempadanan semula tersebut telah membawa banyak perubahan kepada corak pengundian rakyat di kawasan kajian.

Ong (2005) mendapati persempadanan semula bahagian pilihan raya di Kedah tidak mengikut prinsip persempadanan yang mengambil kira sempadan pentadbiran pejabat tanah negeri, keseimbangan populasi dan nisbah pengundi antara bandar dan luar bandar. Persempadanan semula tersebut juga didapati menguntungkan seterusnya dapat memenangkan parti pemerintah (BN) pada pilihan raya umum akan datang apabila kemasukan DUN Gurun yang mempunyai pengundi yang beretnik campuran (asal dalam Parlimen Merbok, BN menang dengan majoriti 5233 undi dalam PRU 1999) ke dalam Parlimen Yan (dikenali sebagai Jerai selepas persempadanan 2003) (PAS menang dengan majoriti 182 undi dalam PRU 1999) dan juga kemasukan DUN Derga yang mempunyai pengundi majoriti etnik Cina (asal dalam Parlimen Alor Setar, BN menang dengan majoriti 5456 undi dalam PRU 1999) ke dalam Parlimen Pokok Sena (PAS menang dengan majoriti 3637 undi).

Junaidi et al. (2012b dan 2012c) persempadanan semula kawasan pilihan raya 2003 menyebabkan berlakunya perubahan bilangan pemilih secara keseluruhan, perubahan bilangan pemilih mengikut kaum, perubahan kedudukan dan pertambahan serta pengurangan daerah mengundi, pertambahan kerusi DUN/konstituensi, perubahan kedudukan DUN dalam kawasan Parlimen dan memberi kesan terhadap keputusan pilihan raya. Persempadanan semula menyebabkan DUN Kajang dibahagikan kepada 2 kawasan iaitu DUN Kajang dan DUN Bangi dan digunapakai dalam Pilihan Raya Umum 2004 dan 2008. Persempadanan semula tersebut juga memberi kesan kepada keputusan pilihan raya umum 2004 di kawasan kajian dengan memberi kelebihan kepada parti peneraju Kerajaan Negeri dan Persekutuan iaitu Barisan Nasional (BN) namun ia berubah pada Pilihan Raya Umum (PRU) 2008.

Rosmadi et al. (2013a) dalam analisis geospasial sistem maklumat geografi pengukuran indeks kepadatan DUN yang dikaitkan dengan kesan gerimander menunjukkan 16 DUN di Kedah telah berlaku gerimander dengan bacaan indeks kepadatan yang rendah, iaitu antara 0.1 sehingga 0.5. Ini membuktikan bahawa telah berlaku gerimander dalam proses pilihan raya di Malaysia. Gerimander boleh memberi impak negatif dalam proses pilihan raya negara. Oleh sebab itu, dalam proses persempadanan semula kesan gerimander

wajar diambil kira oleh pihak yang bertanggungjawab terutamanya Suruhanjaya Pilihan Raya supaya perjalanan pilihan raya lebih telus dan demokratik. Hazeeq (2015) menyatakan persempadanan semula bahagian pilihan raya Malaysia yang sepatutnya perlu dilakukan oleh SPR pada tahun 2011 perlu dilaksanakan segera untuk menghasilkan peta kawasan sempadan yang bersesuaian dengan peningkatan jumlah pengundi serta pertumbuhan kawasan perumahan dan rebakan perbandaran yang semakin meluas.

Junaidi et al. (2015b) dalam kajian impak persempadanan semula bahagian pilihan raya DUN Sarawak mendapati bahawa persempadanan semula bahagian pilihan raya telah mengubah landskap sosioekonomi dan sosiopolitik di bumi kenyalang ini. Dengan adanya pertambahan kerusi DUN di Sarawak ini maka peruntukan pembangunan di sesuatu kawasan terutamanya di 11 kawasan yang baru diwujudkan akan lebih fokus dan akan merencanakan pembangunan infrastruktur terutamanya di kawasan luar bandar. Dengan faktor geografi seperti lokasi, jarak, ketersampaian, kejiranan, kawasan, budaya persekitaran memerlukan negeri Sarawak untuk berkembang maju dari semasa ke semasa. Proses pembangunan sepastinya mengambil masa yang lama namun dengan kesungguhan kerajaan, penerokaan sumber alam yang sebaiknya dan mentaliti rakyat yang baik, positif serta berusaha untuk maju ke hadapan maka adalah tidak mustahil suatu hari nanti negeri Sarawak akan muncul sebagai negeri yang berkembang maju dan dinamik seiring dengan perkembangan fizikal dan komunikasi maklumat. Zin (2016) menyatakan persempadanan semula bahagian pilihan raya Malaysia 2016 sangat penting kerana suasana politik pada masa kini yang menarik. Beliau menyatakan lagi bahawa SPR telah membuka ruang bantahan sebaiknya kepada semua pihak agar persempadanan baru nanti dapat mewakili suara rakyat di Parlimen seterusnya membentuk suasana kehidupan masyarakat yang demokratik dan harmonis.

Wan Mazlina et al. (2017) dalam kajian 'Pengkukuran Elemen Ruang Dalam Mempengaruhi Persempadanan Semula Pilihan Raya Di Parlimen Selangor' mendapati bahawa pengukuran elemen ruang yang melibatkan indeks kepadatan khususnya membuktikan penggunaan geospasial lebih efisien dipraktikkan dalam sistem demokrasi moden kini. Jumlah kepadatan penduduk yang diguna pakai SPR sudah tidak relevan jika dibandingkan dengan penggunaan indeks kepadatan bagi menentukan sempadan sesebuah bahagian pilihan raya. Kepadatan bentuk yang memberi bacaan indeks kepadatan yang tinggi boleh menyangkal isu gerimander dalam persempadanan semula yang dibuat. Selain itu, keseimbangan dalam pilihan raya juga penting terutamanya bagi pengundi yang memilih calon dan parti tertentu. Tahap keseimbangan akan tercapai sekiranya peratus undi dan kerusi adalah sama. Aplikasi GIS digunakan dalam analisis geospasial bagi mengukur tahap kepadatan serta melihat kepada kekompakan dan kejanggalan pada bentuk peta pilihan raya. Ini secara tidak langsung dapat mengesan berlakunya amalan gerimander pada kawasan tersebut. Kaedah ini dapat membantu meningkatkan kualiti data terutamanya dalam membuat persempadanan semula. Oleh itu, elemen ruang sepatutnya dijadikan asas dalam membuat persempadanan semula di Malaysia.

Junaidi et al. (2017) dalam kajian 'Kajian Impak Persempadanan Semula Bahagian Pilihan Raya 2016 di Kawasan Parlimen Serdang dan Hulu Langat dengan Menggunakan Pendekatan Pemetaan Geographic Information Systems (GIS) menjelaskan bahawa persempadanan semula bahagian pilihan raya memberi kesan kepada segi kandungan DUN dalam sesebuah Parlimen, jumlah pemilih, pertukaran nama, komposisi etnik, kedudukan Daerah Mengundi, saiz km persegi dan dari segi unjuran jangkaan keputusan pilihan raya. Persempadanan semula bahagian pilihan raya perlu mengambil kira pertambahan pengundi, komposisi etnik yang seimbang, tahap kemajuan dan urbanisasi fizikal sesuatu kawasan, ratio pengundi antara bandar-luar bandar serta kemampuan kerajaan untuk membayar gaji wakil rakyat sama ada ADUN dan ahli Parlimen berlandaskan keluhuran Perlembagaan

Persekutuan. Rakyat atau pengundi juga perlu proaktif untuk mengambil bahagian sepanjang tempoh bantahan dan cadangan terhadap pameran persempadanan semula mengikut tempoh masa dan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

### **3. Metod dan Kawasan Kajian**

#### *Tata Cara Pengumpulan Data*

Bagi mendapatkan data soal selidik dalam kajian ini, seramai 100 responden telah diberikan borang soal selidik berdasarkan kepada lapan Daerah Mengundi, antaranya ialah Malim Jaya, Taman Asean, Taman Medeka, Sungai Putat, Bukit Beruang, Paya Ikan, Tembak Paya dan Bukit Lintang. Pemberian borang soal selidik di lapan DM adalah lebih tertumpu kepada kawasan kejiranan, masjid, kedai-kedai serta restoran-restoran yang berada di kawasan kajian. Secara rasionalnya, pemilihan kawasan ini adalah untuk melihat strategi BN dalam politik pembangunan di lapan daerah mengundi kawasan Parlimen Bukit Katil pada PRU-14 yang paling lewat akan diadakan pada bulan Mei tahun 2018 iaitu tamat tempoh 5 tahun penggal ke-14 Parlimen Malaysia.

#### *Kawasan Kajian: (P.137) Parlimen Bukit Katil*

Berdasarkan cerita disampaikan oleh orang-orang lama di Bukit Katil, penduduk terdahulu dikatakan menemui batil emas (bekas simpanan air) seperti labu sayong yang terletak di atas batu berbentuk seakan katil diatas puncak bukit di situ (bukit terletak bersebelahan Sekolah Rendah Kebangsaan Dato' Demang Hussin). Justeru katanya, penemuan batil emas di bukit terbabit sekaligus membawa kepada terciptanya nama Bukit Katil yang digabungkan antara bukit dan batu didakwa berbentuk katil, selain bekas menyimpan air yang ditemui pada masa itu. Kampung Bukit Katil merangkumi empat solok iaitu Solok Bukit Bayan, Solok Telok, Solok Tambak dan Solok Balik Hutan (kini dikenali sebagai Solok Kampung Baru atau Kampung Desa Wawasan). Bagaimanapun berdasarkan fakta sejarah, kampung asal Bukit Katil adalah Bukit Sama Tahu (selepas itu dikenali sebagai Solok Pantai) yang terletak di pinggir pertemuan Sungai Gapam dan Sungai Ayer Panas (Sungai Tehel).

Pada tahun PRU 2013, persempadanan bagi bahagian pilihan raya bagi kawasan P137 Bukit Katil, kawasan ini yang merangkumi 4 DUN (Bachang, Ayer Keroh, Bukit Baru dan Ayer Molek) dan 27 kawasan Daerah Mengundi iaitu N15 Bachang (28,367 orang pemilih) mempunyai 11 Daerah Mengundi (Malim Jaya, Pasir Puteh, Peringgit, Pengkalan Batu, Peringgit Jaya, Bukit Palah, Bukit Piatu, Taman ASEAN, Sri Siantan, Rumpun Bahagia dan Bachang Baru), N16 Ayer Keroh (34,225 orang pemilih) mempunyai 11 Daerah Mengundi (Taman Melaka Baru, Sungai Putat, Taman Bukit Melaka, Ayer Keroh Height, Kampung Ayer Keroh, Kampung Tun Razak, Batu Berendam, Taman Merdeka, Taman Bunga Raya, Taman Kerjasama dan Taman Muzaffar Shah), N17 Bukit Baru (21,292 orang pemilih) mempunyai 8 Daerah Mengundi (Bukit Beruang, Bukit Katil, Paya Ikan, Kampungku Sayang, Bukit Baru Dalam, Padang Jambu, Bukit Pulau dan Taman Tun Rahah) dan N18 Ayer Molek (15,554 orang pemilih) mempunyai 7 Daerah Mengundi (Pengkalan Minyak, Tambak Paya, Tiang Dua, Paya Dalam, Bukit Lintang, Kandang dan Kg. Ayer Molek) dengan jumlah pemilih 16,297 orang dan Jumlah keseluruhan pemilih dari semua kawasan Daerah Mengundi di Parlimen Bukit Katil ialah 104,234 orang pada tahun 2013 (Lihat Rajah 1).

Jumlah pemilih yang tertinggi yang pernah dicatatkan dalam kawasan Parlimen Bukit Katil adalah pada tahun 2013 iaitu mencatat sebanyak 99,581 orang. Mengikut komposisi etnik, peratusan etnik Melayu yang paling tinggi adalah pada tahun 1990 iaitu dengan 60.5 peratus. Bagi etnik Cina pula, peratusan tertinggi dicatatkan pada tahun 2004

iaitu 41.9 peratus. Bagi etnik India, peratusan tertinggi pula telah dicatatkan pada tahun 2013 iaitu 5.7 peratus. Bagi etnik-etnik lain pula menunjukkan peratusan yang terendah pada setiap pilihan raya umum berbanding dengan etnik Melayu, Cina dan India.




RAJAH 1. Peta Parlimen Bukit Katil

#### 4. Dapatan dan Perbincangan

##### 4.1 Latar Belakang Responden


Berdasarkan kepada Rajah 2, dapatan kajian menunjukkan 55.0 peratus daripada responden ialah lelaki. Hal ini demikian kerana ketika borang soal selidik diedarkan, mereka telah berkumpul beramai-ramai pada satu tempat untuk membincangkan hal-hal berbangkit yang berlaku di kawasan tersebut, maka dengan itu lebih ramai responden lelaki yang menjawab soalan yang dikemukakan dalam borang soal selidik tersebut. Kemudian 45.0 peratus merupakan responden perempuan. Hal ini demikian kerana responden perempuan kurang berminat untuk mengisi borang soal selidik yang diedarkan atas alasan mereka tidak ingin terlibat dengan politik dan tidak berani untuk memberi jawapan yang berkaitan politik di kawasan tersebut atas alasan tertentu.





RAJAH 2. Jantina


Rajah 3 menunjukkan peratus responden tertinggi adalah daripada golongan yang berkahwin iaitu 85.0 peratus. Berdasarkan kepada hasil kajian yang diterima jelas menunjukkan bahawa penduduk yang terdapat di kawasan kajian ini terdiri daripada kalangan yang sudah mempunyai keluarga. Hal ini demikian kerana penerimaan penduduk yang sudah mempunyai keluarga untuk ditemu bual telah memudahkan proses pengedaran borang soal selidik. Proses pengedaran borang soal selidik ini menjadi lebih mudah apabila diedarkan kepada golongan yang berkeluarga kerana borang soal selidik boleh diberikan kepada semua isi rumah yang layak mengundi. Kemudian peratusan berstatus daripada kalangan golongan yang bujang adalah 14.0 peratus dan peratusan berstatus janda hanya 1 peratus diteruskan dengan peratusan berstatus duda adalah tiada (Lihat Rajah 3).



RAJAH 3. Status perkahwinan

Rajah 4 menunjukkan peratusan responden mengikut enam jenis kumpulan umur yang telah dibahagikan. Bagi kumpulan umur 21 hingga 30 tahun ialah 36.0 peratus. Berdasarkan peratusan tersebut menunjukkan bahawa kumpulan umur 21 - 30 tahun menunjukkan


peratusan yang paling tinggi adalah disebabkan oleh golongan pemuda ini lebih mudah untuk memahami soalan yang dikemukakan dalam borang soal selidik serta dapat memberi kerjasama dengan baik. Kemudian peratusan kedua tertinggi adalah kumpulan umur 31 - 40 tahun iaitu 30.0 peratus, manakala bagi kumpulan umur 41 - 50 tahun adalah 21.0 peratus. Di samping itu, untuk kumpulan umur 51 – 60 tahun adalah 10.0 peratus.



RAJAH 4. Umur

Seterusnya, untuk kumpulan umur 61 – 70 tahun serta 71 tahun dan ke atas adalah masing-masing 3 peratus dan 0 peratus. Kumpulan umur tersebut lebih dikenali sebagai kumpulan umur bagi warga emas. Penduduk warga emas yang terdapat di kawasan ini kerap menghabiskan masa di kawasan rumah sahaja disebabkan golongan warga emas ini banyak mengalami masalah kesihatan yang seperti sakit tua, dimana mereka tidak dapat melihat dengan jelas serta mengalami masalah pendengaran sekali gus menyebabkan pengedaran borang soal selidik terhadap kumpulan umur ini adalah sangat terhad. Di samping itu, bukan masalah kesihatan sahaja yang dihadapi, terdapat juga responden kumpulan umur ini tidak tahu membaca dan menulis. Hal ini demikian kerana tahap pendidikan mereka adalah tiada kelulusan ini bermaksud mereka tidak menerima pendidikan sejak usia muda lagi. Oleh itu, secara tidak langsung peratusan untuk kumpulan umur ini adalah merupakan peratusan umur yang sangat rendah.


Rajah 5 menunjukkan komposisi etnik responden yang telah disoal di kawasan kajian. Hasil kajian yang dijalankan mendapati bahawa responden berbangsa Melayu mencatatkan peratusan yang tertinggi iaitu 69.0 peratus diikuti dengan responden berbangsa Cina dengan 20.0 peratus, India 11.0 peratus dan etnik-etnik lain dengan 0 peratus. Paratusan responden yang berbangsa Melayu adalah tertinggi kerana kebanyakan penduduk yang ditemui di kawasan kajian adalah responden yang berbangsa Melaka. Penduduk yang berbangsa Melayu lebih mudah memberikan kerjasama dan memberikan pendapat mengenai persempadanan semula, pilihan raya dan politik semasa sesi soal selidik, manakala penduduk yang berbangsa Cina dan India didapati lebih sukar untuk memberikan pandangan dan kerjasama berkaitan persempadanan semula, pilihan raya dan politik kerana soalan-soalan dalam borang soal selidik menyentuh hal-hal yang sensitif.



RAJAH 5. Bangsa


Rajah 6 menunjukkan tahap pendidikan tertinggi responden bagi kawasan (P137) Parlimen Bukit Katil. Dapatan kajian menunjukkan bahawa 7.0 peratus responden tidak mempunyai kelulusan. Kemudian pada peringkat MCE/SPM ialah 45.0 peratus, penilaian darjah lima/UPSR 13.0 peratus, pada peringkat diploma pula 12.0 peratus, SRP/PMR 10.0 peratus sahaja, Pra Sekolah 5.0 peratus, peringkat Ijazah Sarjana Muda 5.0 peratus, dan tahap pendidikan sehingga ke peringkat sijil adalah 3.0 peratus. Seterusnya, HSC/STP/STPM dan Matrikulasi adalah 0 peratus, sehingga peringkat Ijazah Sarjana ialah 0 peratus serta pada peringkat Ijazah Doktor Falsafah ialah 0 peratus sahaja. Oleh itu, dapat dilihat bahawa peratusan yang paling banyak bagi tahap pendidikan tertinggi adalah pada tahap MCE/SPM. Hal ini demikian kerana, isu berkaitan dengan tahap pendidikan ini sering dikaitkan dengan masalah kewangan yang dihadapi oleh sesebuah keluarga yang merupakan kekangan utama bagi masyarakat miskin bandar khususnya untuk menyambung tahap pendidikan mereka pada peringkat yang lebih tinggi lagi.

Tambahan lagi, selain daripada masalah kewangan yang dihadapi untuk menyambung pengajian pada peringkat yang lebih tinggi kebanyakan responden yang mempunyai pendidikan pada peringkat SPM sahaja adalah terdiri daripada latar belakang keluarga yang mempunyai pendapatan isi rumah yang sangat rendah. Oleh itu, faktor ini telah menyebabkan golongan anak muda ini lebih memilih untuk menamatkan pendidikan pada peringkat SPM sahaja kerana habis sahaja pendidikan pada peringkat SPM, mereka telah bekerja untuk menampung dan menambah pendapatan isi rumah keluarga mereka.



RAJAH 6. Tahap pendidikan tertinggi


Seterusnya peratusan responden untuk sektor pekerjaan masing-masing ditunjukkan dalam Rajah 7. Sebanyak sepuluh sektor pekerjaan yang telah dikenalpasti berdasarkan kepada jawapan responden. Berdasarkan kepada data yang telah diterima jelas menunjukkan bahawa 25.0 peratus responden yang menceburi bidang perniagaan atau lebih dikenali sebagai bekerja sendiri, 18.0 peratus yang bekerja dalam sektor swasta. Kemudian, 15.0 peratus responden yang merupakan suri rumah dan 10.0 peratus yang bekerja sebagai pekerja kilang terutamanya di kilang-kilang pembuatan, serta kilang perabot, 8.0 peratus pula terdiri daripada responden yang bekerja sebagai buruh, responden yang bekerja sebagai kakitangan kerajaan dan pesara masing-masing ialah 7.0 peratus, pelajar 5.0 peratus, manakala yang tidak bekerja ialah 3.0 peratus, serta terdapat responden yang bekerja selain daripada yang dinyatakan dalam borang soal selidik iaitu 2.0 peratus seperti petani.



RAJAH 7. Pekerjaan

Berdasarkan dapatan kajian di lapangan, peratusan pekerjaan responden dalam sektor sendiri atau berniaga responden adalah sangat tinggi. Hal ini demikian kerana dapat dilihat dari segi kekayaan bahan mentah daripada hutan-hutan dan tanah kosong maka penduduk kawasan tersebut mengambil peluang untuk menanam dan hasil daripada tanaman tersebut mereka akan jual sama ada jual secara mentah ataupun yang sudah diproses seperti pisang goreng, kerepek dan sebagainya serta responden yang bekerja sendiri adalah disebabkan mereka tidak ingin kekangan yang akan dihadapi ketika bekerja dengan orang lain serta mereka boleh bercuti sesuka hati. Kemudian sektor kedua yang mempunyai peratusan tertinggi adalah sektor kakitangan swasta. Hal ini disebabkan oleh kawasan (P137) Parlimen Bukit Katil ini pada tahap pendidikan mereka yang paling ramai menunjukkan tahap pendidikan tertinggi hanya pada peringkat SPM sahaja maka keberangkalian untuk diserap masuk dalam sektor kerajaan sangat rendah.

Rajah 8 menunjukkan pendapatan isi rumah sebulan. Dapatan kajian mendapati responden yang berpendapatan RM 1,500 dan kebawah adalah 42.0 peratus, bagi pendapatan RM 1,501 hingga RM 2,500 sebulan adalah 29.0 peratus, kemudian 22.0 peratus yang mempunyai pendapatan sebulan sebanyak RM 2,501 hingga RM 3,500, bagi responden yang berpendapatan RM 3,501 hingga RM 4,500 adalah 5.0 peratus dan berpendapatan RM 4,501 dan keatas adalah 2.0 peratus. Kemudian RM 4,501 hingga RM 5,500 adalah 0 peratus. Hal ini demikian kerana ramai responden yang memiliki pendapatan di bawah RM 1,500 sebulan disebabkan gaji asas atau gaji bersih untuk penduduk di Melaka adalah mengikut kawasan pekerjaan dan jawatan yang dipegang dalam sesuatu organisasi.



RAJAH 8. Pendapatan isi rumah sebulan

Jika diteliti tempat asal, boleh dikatakan kesemua responden berasal daripada lokasi luar bandar. Hal ini demikian kerana borang soal selidik ini diedarkan mengikuti kawasan pusat daerah mengundi yang dipilih bagi menjalani kajian ini. Kebanyakan kawasan di Parlimen Bukit Katil Melaka terdiri daripada kawasan luar bandar. Maka dengan itu ramai responden berasal dari luar bandar.


#### 4.2 *Pengetahuan dan Penyertaan Responden dalam Proses Persempadanan Semula Bahagian Pilihan Raya 2016-2017*

Isu persempadanan semula ini merupakan satu perkara yang sangat penting dan perlu mendapat persetujuan daripada rakyat untuk memastikan persempadanan semula dapat dilaksanakan tanpa bias. Hal ini demikian kerana, isu persempadanan semula ini merupakan satu isu yang sangat sensitif kepada parti yang bertanding. Menurut Rosmadi (2006), proses kajian dan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan Negeri adalah salah satu daripada tanggungjawab Suruhanjaya Pilihan Raya dan akan dibantu oleh Pejabat Tanah dan Galian, Jabatan Ukur dan Pemetaan, Jabatan Perangkaan serta Jabatan Peguam Negara. Tambahan lagi, dalam isu persempadanan semula ini pihak Suruhanjaya Pilihan Raya perlu mematuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan semasa proses persempadanan semula ini dijalankan. Salah satu kriteria persempadanan semula adalah perlu mengambil kira sempadan pilihan raya yang sedia ada, ciri-ciri fizikal sempadan pilihan raya yang dicadangkan, corak perubahan populasi, kepentingan dalam bahagian seperti ekonomi, sosial, dan kepentingan serantau serta cara pergerakan dan komunikasi dalam pilihan raya yang dicadangkan. Maka dengan ini, untuk mendapatkan pandangan umum daripada penduduk di kawasan ini berkaitan dengan isu persempadanan semula, beberapa soalan telah dikemukakan untuk mengenalpasti sama ada mereka tahu dan faham mengenai isu persempadanan semula.

Bagi pernyataan “Adakah anda mengetahui atau sedia maklum mengenai Persempadanan Semula Bahagian Pilihan Raya 2016-2017?”, rata-rata responden


menyatakan “ya” dengan 74.0 peratus dan hanya 26.0 peratus menyatakan “tidak” sedia maklum mengenai persempadanan semula. Maka, kenyataan ini menunjukkan bahawa ramai responden sangat mengambil tahu mengenai isu persempadanan semula dan faham mengenai hal ini.

Rajah 9 menunjukkan pernyataan ‘Dari mana anda mendapat maklumat tentang Persempadanan Semula Bahagian Pilihan Raya 2016-2017?’ mempunyai peratusan responden yang menyatakan “Saudara Mara” iaitu 58.0 peratus, manakala “Keluarga” dan “Media Massa” masing-masing 16.0 peratus dan “Rakan Sekerja” dan “Lain-lain” masing-masing adalah 5.0 peratus. Hal ini demikian, “Saudara Mara” merupakan peratusan responden yang tertinggi kerana selalunya maklumat yang diterima daripada saudara mara menjadi salah satu media dalam menyebarkan berita kepada ahli keluarga yang lain, kekerapan saudara mara ke rumah atau hari keluarga memudahkan maklumat tentang persempadanan semula diketahui.



RAJAH 9. Sumber Maklumat Persempadanan Semula Bahagian Pilihan Raya 2016-2017

Dalam kajian ini, responden telah diajukan soalan mengenai “Kriteria yang paling utama dalam penentuan sempadan bahagian pilihan raya?”, terdapat beberapa pilihan telah dibuat oleh responden dalam menentukan persempadanan semula. Rata-rata responden menyatakan ‘Jumlah Pengundi’ (24.0 peratus) merupakan kriteria yang utama dalam penentuan persempadanan, diikuti dengan ‘Sempadan Semula Jadi (Sungai, Lurah Bukit dll)’ dengan 23.0 peratus, ‘Keluasan Kawasan’ 16.0 peratus, ‘Faktor Komposisi Etnik’ 11.0 peratus, manakala Kriteria ‘Tahap Pembangunan’ dan ‘Agama’ masing-masing adalah 8.0 peratus. Diikuti dengan “‘Ciri Sosiobudaya yang Sama’ 6.0 peratus dan ‘Bandar dan Luar Bandar’ adalah 4.0 peratus (Lihat Rajah 10).




RAJAH 10. Kriteria paling utama penentuan sempadan bahagian pilihan raya

Di samping itu, kriteria jumlah pengundi merupakan peratusan responden yang tertinggi kerana kriteria ini merupakan hasrat wakil rakyat bagi tujuan memudahkan wakil rakyat dalam menguruskan kawasan yang ditandingi, terdapat juga responden menyatakan bahawa kriteria menjadi utama adalah disebabkan untuk memudah kawasan pengagihan undi oleh pihak SPR.

Dalam konteks perubahan persempadanan semula, pihak Suruhanjaya Pilihan Raya perlu mematuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan semasa proses persempadanan semula ini dijalankan. Oleh itu, soalan mengenai “Adakah anda bersetuju dengan perubahan sempadan bahagian Pilihan Raya di Parlimen Bukit Katil?”, sebanyak 43.0 peratus responden ‘tidak setuju’ dengan pernyataan tersebut dan 41.0 peratus responden ‘tidak pasti’ dengan pernyataan tersebut. Hal ini demikian kerana hanya 16.0 peratus responden setuju dengan perubahan sempadan bahagian pilihan raya. Dengan ini dapat disimpulkan bahawa rakyat Parlimen Bukit Katil tidak setuju dengan perubahan sempadan kerana ia tidak memberi manfaat dan buang masa. Bukan itu sahaja malah ada responden mencadangkan untuk kekal persempadanan yang sedia ada di Parlimen Bukit Katil.





RAJAH 11. Perubahan sempadan bahagian Pilihan Raya di Parlimen Bukit Katil

Seterusnya, melihat kepada pernyataan berkenaan “Kawasan Parlimen Bukit Katil perlu diwujudkan kawasan Parlimen dan DUN baru kerana berlaku pertambahan pengundi serta kepesatan pertumbuhan kawasan perumahan, kemajuan institusi perniagaan dan perekonomian serta perkembangan bandar-bandar baru” ketika ini, 54.0 peratus responden menyatakan ‘tidak setuju’, 39.0 peratus “‘tidak pasti’ dan hanya 7.0 peratus menyatakan ‘setuju’ untuk mewujudkan kawasan Parlimen dan DUN baru. Di samping itu, responden memberi alasan bahawa seperti mereka tidak ada manfaat dan mereka berhasrat untuk kekal persempadanan yang lama.

#### 4.3 *Impak Persempadanan Semula Bahagian Pilihan Raya Bagi Kawasan Parlimen Bukit Katil, Melaka 2016-2017*

Jadual 1 menunjukkan impak persempadanan semula bahagian Pilihan Raya 2016-2017. Dapatan kajian mendapati bahawa responden ‘tidak setuju’ (47.0 peratus) dengan pernyataan “Persempadanan semula bahagian pilihan raya yang mengambilkira faktor alam semula jadi akan memastikan pembangunan persekitaran agar lebih baik dan terancang” ini menunjukkan bahawa dalam proses persempadanan semula kurang memastikan kelestarian alam sekitar dijaga dan menjadi salah satu aspek dalam menentukan persempadanan semula. Selain itu, pernyataan “Persempadanan semula bahagian pilihan raya di kawasan ini bersesuaian dengan komposisi etnik antara kawasan DUN dan Parlimen”, kajian mendapati bahawa responden ‘tidak setuju’ (40.0 peratus) dengan pernyataan ini. Hal ini demikian kerana masih terdapat banyak kawasan di Parlimen Bukit Katil terdapat perpecahan etnik, sebagai contoh kawasan Malim Jaya terdapat orang Cina yang lebih ramai berbanding orang Melayu dan orang India. Ini menunjukkan bahawa persempadanan semula tidak akan menyelesaikan isu komposisi etnik antara kawasan DUN dan Parlimen.

JADUAL 1. Impak Persempadanan Semula bahagian Pilihan Raya 2016-2017

Pernyataan	1	2	3
1. Persempadanan semula bahagian pilihan raya yang mengambilkira faktor alam semula jadi akan memastikan pembangunan persekitaran agar lebih baik dan terancang.	47.0	40.0	13.0
2. Persempadanan semula bahagian pilihan raya di kawasan ini bersesuaian dengan komposisi etnik antara kawasan DUN dan Parlimen.	40.0	22.0	28.0
3. Persempadanan semula bahagian pilihan raya di kawasan ini akan menggalakkan lagi projek-projek pembangunan ekonomi dan infrastruktur setempat.	26.0	39.0	35.0
4. Persempadanan semula bahagian pilihan raya di kawasan ini akan memastikan parti politik mengusahakan strategi politik yang lebih berkesan dalam usaha untuk menang dalam PRU akan datang di kawasan ini.	32.0	30.0	38.0

(Petunjuk: 1. Tidak setuju 2.Tidak pasti 3.Setuju )

Seterusnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa responden lebih bersikap ‘tidak pasti’ mengenai impak persempadanan semula terhadap pembangunan ekonomi dan infrastruktur setempat seperti soalan 3. Bagi pernyataan “Persempadanan semula bahagian pilihan raya di kawasan ini akan menggalakkan lagi projek-projek pembangunan ekonomi dan infrastruktur setempat”, 39.0 peratus responden menyatakan ‘tidak pasti’, 35.0 peratus ‘setuju’ dan hanya 26.0 peratus ‘tidak setuju’. Dengan ini dapat disimpulkan bahawa rakyat tidak pasti bahawa persempadanan semula dapat menggalakkan lagi projek-projek pembangunan ekonomi dan infrastruktur di kawasan Parlimen Bukit Katil. Kemudian bagi pernyataan “Persempadanan semula bahagian pilihan raya di kawasan ini akan memastikan parti politik mengusahakan strategi politik yang lebih berkesan dalam usaha untuk menang dalam PRU akan datang di kawasan ini” mempunyai peratus responden yang ‘setuju’ iaitu 38.0 peratus. Hal ini demikian, selalunya persempadanan semula yang dilakukan oleh SPR adalah berat sebelah dan ingin memenangkan satu pihak sahaja.

#### 4.4 Pengaruh Persempadanan Semula Bahagian Pilihan Raya Terhadap Politik Pilihan Raya

Pada peringkat negeri Melaka, jika persempadanan baru 2017 diteruskan, 77.0 peratus responden menjangkakan BN akan menang dalam PRU-14 akan datang dan jangkauan kemenangan parti ini mendapat undian majoriti daripada keseluruhan responden.

JADUAL 2. “Jika persempadanan baru (2017) dikekalkan, apakah parti politik jangkauan yang akan menang dalam PRU-14 akan datang pada peringkat Negeri Melaka”

Peringkat Negeri Melaka	Peratus
BN	77.0
Pakatan Harapan (PH)	20.0
Gagasan Sejahtera (PAS, IKATAN, PCM dan BERJASA)	21.0
Tidak Pasti	1.0
Lain-lain	0.0

Berdasarkan Jadual 2, responden selebihnya mengatakan bahawa Pakatan Harapan akan menang dengan 20.0 peratus, Gagasan Sejahtera pula 21.0 peratus dan 1.0 peratus

responden pula ‘tidak pasti’. Hal ini demikian kerana mereka mengatakan bahawa mereka tidak akan mengundi parti yang sama pada PRU-14. Tambahan lagi mereka mengatakan bahawa mereka akan melihat terlebih dahulu janji-janji dan manifesto yang diberikan oleh setiap parti yang bertanding jika manifesto dan janji yang ditawarkan sesuai dengan kehendak mereka terhadap negeri Melaka, maka mereka akan mengundi parti tersebut. Mereka juga tidak dapat untuk menjangkakan parti mana yang akan menang.

Pada peringkat Malaysia, jika persempadanan baru 2017 diteruskan pula tidak dapat dinafikan apabila ramai responden yang menjangkakan BN akan menang dalam Pilihan Raya Umum ke-14 nanti. Hal ini demikian kerana Perdana Menteri iaitu Dato’ Sri Najib telah membawa banyak perubahan untuk membantu rakyat dalam pelbagai aspek seperti ekonomi, peluang pekerjaan dan banyak lagi (Lihat Jadual 3).

JADUAL 3. “Jika persempadanan baru (2017) diteruskan, apakah jangkaan parti politik akan menang dalam PRU-14 akan datang pada peringkat Negara Malaysia”

Peringkat Malaysia	Peratus
BN	78.0
Pakatan Harapan (PH)	20.0
Gagasan Sejahtera (PAS, IKATAN, PCM dan BERJASA)	2.0
Tidak Pasti	0.0
Lain-lain	0.0

Namun begitu jika kita lihat dalam Jadual 3, hanya 2.0 peratus sahaja responden yang menjangkakan bahawa PartiGagasan Sejahtera (PAS, IKATAN, PCM dan BERJASA) akan menang dalam PRU-14. Hal ini demikian kerana di Malaysia, pengaruh Gagasan Sejahtera (PAS, IKATAN, PMC dan BERJASA) ini tidak begitu ketara di semua tempat.

Peratusan BN menang dalam PRU-14 pada peringkat Negara (parlimen) adalah 85.0 peratus (Lihat Jadual 4). Sekali lagi BN mendominasi pilihan pengundi di negara ini. Hal ini demikian kerana BN dilihat bijak dan sentiasa mengambil peluang untuk menarik hati rakyat Malaysia dengan melaksanakan beberapa program dan gagasan yang dilihat memberi faedah kepada rakyat.

JADUAL 4. “Jika diberi peluang memilih, pihak manakah yang anda mahukan memerintah negara (Parlimen)”

Peringkat Malaysia	Peratus (Ya)
BN	85.0
Pakatan Harapan (PH)	15.0
Gagasan Sejahtera (PAS, IKATAN, PCM dan BERJASA)	0.0
Tidak Pasti	0.0
Lain-lain	0.0

Dalam konteks ini dapat dilihat apabila Dato’ Seri Najib Tun Abdul Razak telah memperkenalkan gagasan ‘1 Malaysia Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan’. Tambahan pula, beliau telah melakukan transformasi kepada rakyat Malaysia dengan memperkenalkan pelbagai inisiatif seperti Kedai Rakyat 1 Malaysia (KR1M), Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M), Baucer Buku 1 Malaysia (BB1M), Perumahan Rakyat 1 Malaysia (PR1MA), serta banyak lagi program yang dilaksanakan untuk kepentingan rakyat. Dengan wujudnya transformasi ini maka tidak dapat dinafikan apabila ramai rakyat menjangkakan mahukan BN memerintah dan akan menang dalam pilihan raya umum akan datang.

Merujuk kepada Jadual 5, seperti semua sedia maklum bahawa di kawasan Dewan Undangan Negeri ini, responden menjangkakan bahawa Barisan Nasional yang akan

menang dalam PRU-14. Hal ini demikian kerana, responden menyatakan bahawa walaupun sebelum pilihan raya mereka mengatakan bahawa mereka menyokong parti lain, namun pada pilihan raya jika dilihat keputusan BN yang menang disebabkan BN di kawasan ini menggunakan kaedah memancing undi dengan politik wang untuk menarik pengundi mengundi parti mereka, maka tidak hairan jika sokongan pada saat akhir akan berubah.

JADUAL 5. “Jika diberi peluang memilih, pihak manakah yang anda mahukan memerintah negeri (DUN)”

Peringkat DUN	Peratus (Ya)
BN	86.0
Pakatan Harapan (PH)	12.0
Gagasan Sejahtera (PAS, IKATAN, PCM dan BERJASA)	2.0
Tidak Pasti	0.0
Lain-lain	0.0

Namun jika kita lihat bahawa terdapat juga responden yang mengatakan bahawa mereka ‘tidak pasti’ parti mana yang akan menang. Hal ini demikian kerana mereka mengatakan bahawa mereka perlu menukar parti pemerintahan baru yang mampu membela nasib mereka, mengurangkan kos sara hidup serta mampu melaksanakan pembangunan setempat demi kesejahteraan rakyat.

## 5. Rumusan dan Cadangan

Sebagai kesimpulannya, majoriti responden mendapatkan sumber maklumat persempadanan semula daripada media elektronik dan ia dijadikan sebagai sumber maklumat yang paling dipercayai dalam kalangan pengundi. Terdapat responden yang mempunyai pengetahuan dan penyertaan dalam proses persempadanan semula. Dalam konteks impak persempadanan semula beberapa impak dikaji dalam mendapat pandangan persempadanan semula Parlimen Bukit Katil. Hasil daripada kajian impak terhadap persekitaran fizikal, impak terhadap persekitaran sosial, impak terhadap persekitaran ekonomi dan impak terhadap persekitaran politik menunjukkan bahawa perbezaan dan pandangan yang ketara dimana responden mempunyai kebolehterimaan yang berbeza. Dalam konteks pengaruh persempadanan semula terhadap isu-isu politik pula, responden peka terhadap isu politik yang dekat dengan kehidupan mereka dan dilihat ‘tidak pasti’ dengan isu politik yang bersifat rumit. Justeru, dapat dan perbincangan kajian ini adalah penting untuk dijadikan panduan oleh pihak berkenaan untuk sama ada mengekalkan sokongan ataupun mengembalikan sokongan pengundi kepada pihak berkenaan menjelang pilihan raya umum akan datang.

Bagi negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen seperti Malaysia, pilihan raya merupakan satu proses yang sangat penting untuk menentukan parti mana yang akan memenangi kerusi yang dipertandingkan. Kemudian, komponen yang paling penting semasa proses pilihan raya dilaksanakan ialah pengundi. Pengundi ini terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat dan kaum. Maka dengan itu, faktor kepimpinan dan peranan media sangat mempengaruhi fikiran pengundi dalam pilihan raya. Oleh itu, pengundi haruslah bersikap rasional dalam memilih parti yang memerintah negara pada masa hadapan. Hal ini demikian kerana pemimpin yang baik dan bertanggungjawab dapat membawa Malaysia lebih maju daripada negara lain di samping keadaan ekonomi juga dapat distabilkan serta yang paling penting dapat memenuhi keperluan penduduk disemua kawasan dengan adil dan telus tanpa mengira kaum, bangsa dan agama. Hal ini demikian

kerana rakyat dikawasan ini layak untuk mendapatkan layanan yang sama rata dan keperluan yang sama.

### Penghargaan

Penulis mengucapkan setinggi terima kasih kepada Dr. Junaidi Awang Besar yang membiayai penyertaan kertas ini dalam Persada 2018.

### Rujukan

- Amer Saifude, Ghazali. (2009). *Geografi Pilihan Raya Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Amer Saifude Ghazali. (2015). *Geografi Politik dan Pilihan Raya Kelantan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Brown, G. K. (2005). Playing the (non) ethnic card: The electoral system and the ethnic voting patterns in Malaysia. *Ethnopolitics*, 4(4): 429-445.
- Hazeeq Hashim. (2015). Pengundi menggelembung siapa untung, siapa rugi?. *Dewan Masyarakat*. Bil 1/2015.
- Junaidi Awang Besar. (2016). Analisis geografi pilihan raya, sosiopolitik dan sosiobudaya di kawasan Parlimen Bagan Serai, Negeri Perak Darul Ridzuan, Malaysia. *The 2016 Konferensi Internasional Budaya Melayu*. Anjuran Fakultas Ilmu Budaya, Universitas Jambi (UNJA), Sumatera, Indonesia. Tempat: Kampus UNJA Pasar, jambi, Sumatera, Indonesia. 26-27 Oktober.
- Junaidi Awang Besar. (2017). Geografi pilihan raya negeri Pulau Pinang: Analisis prestasi MCA dan DAP dalam Pilihan Raya Umum (PRU) 2013. *Geografi*, 5(1): 12-25.
- Junaidi Awang Besar & Mohd Faiz Mohd Zain. (2011). Analisis geografi pilihan raya di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Galas, Kelantan. *Persidangan Kebangsaan Geografi & Alam Sekitar (PKGAS) Kali Ke-3*. Anjuran Jabatan Geografi dan Alam Sekitar, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Di Bilik Persidangan, Bangunan E-Learning, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, UPSI, Tanjung Malim, Perak. 8-10 Februari.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Faiz Mohd Zain & Novel Lyndon. (2015a). Impak sosio-ekonomi dan politik persempadanan semula bahagian pilihan raya Negeri Sarawak. *Geografia Online: Malaysia Journal of Society and Space*, 8(7): 1-12.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Mohd Faiz Mohd Zain. (2012a). Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Galas, Kelantan: Analisis geografi pilihan raya. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(1): 64-74.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali. (2012b). Pengaruh gerrymandering terhadap pola pengundian di kawasan dewan undangan negeri (DUN) Kajang dan Bangi, Malaysia. *Geografia Online: Malaysia Journal of Society and Space*, 8(7): 1-12.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali. (2012c). Persempadanan semula kawasan pilihan raya 2003 dan impaknya kepada pilihan raya umum (PRU) 2008 di kawasan dewan undangan negeri (DUN) Kajang dan Bangi, Selangor. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(2): 200-224.
- Junaidi Awang Besar, Mazlan Ali, Mohd Faiz Mohd Zain & Ahmad Afif Zulkipli. (2016). Analisis geografi pilihan raya kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Manir, Terengganu. *The 8th International Conference on Humanities and Social Sciences*

- 2016 (ICHISS 2016). Organized By Fakulti Pengajian Dan Pengurusan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) and Faculty Liberal of Arts, Prince of Songkla University Thailand, In Royale Chulan Hotel, Damansara, Selangor. 27-29 May.
- Junaidi Awang Besar, Mazlan Ali, Rosmadi Fauzi, Mohd Nor Shahizan Ali, Handika Wira Mohd Fauzir & Mohd Syukri Zainuddin. (2017). Kajian impak persempadanan semula bahagian pilihan raya 2016 di Kawasan Parlimen Serdang dan Hulu Langat Dengan menggunakan pendekatan pemetaan Geographic Information Systems (GIS). *International Seminar On Islam, Culture And Heritage: Socio-Political And Economic Issues (ISICH 17)*. Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah. Hosted and organized by: School of Languages, Civilisation and Philosophy, Collage of Art and Science, Universiti Utara Malaysia. 30-31 October.
- Lim Hong Hai. (2003). The delineation of peninsular electoral constituencies: Amplifying Malay and UMNO power. In Francis Loh Kok Wah, & Johan Saravanamuttu. *New Politics in Malaysia*. Singapore: Institute of Southeast ASIAN Studies.
- Norelfaedyla Fadlan. (2005). Kesan persempadanan kawasan pilihan raya 2003 terhadap pilihan raya 2004: Satu kajian kes di DUN Kajang dan DUN Bangi. Latihan Ilmiah. Program Sains Politik, Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosmadi Fauzi. (2006). Geografi politik, pilihan raya dan aplikasi sistem maklumat geografi (GIS) di Malaysia. *Jati*, 11: 157-177.
- Rosmadi Fauzi. (2015). Isu, cabaran dan prospek aplikasi dan pelaksanaan sistem maklumat geografi di Malaysia: Satu pengamatan. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space*, 11(2): 118 - 127.
- Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali & Mohammad Redzuan Othman. (2012). Pendekatan baharu ke arah pendemokrasian negara dengan menggunakan model ruangan pengundian serta aplikasi sistem maklumat geografi dan pilihan raya. *Demokrasi dan Pilihan Raya*, 1(1): 5-14.
- Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali, Suffian Mansur, Zulkanain Abdul Rahman & Mohammad Redzuan Othman. (2013). Memahami keputusan pilihan raya negeri Sarawak 2011 dari perspektif ruangan. *Sarjana*, 28(2): 51-64.
- Rosmadi Fauzi, Mohammad Redzuan Othman, Amer Saifude Ghazali, Zulkanain Abdul Rahman, Muhamad Hafiz Abdul Halim. (2013b). Persempadanan semula dan gerimander dalam Pilihan Raya: Satu pengukuran menggunakan sistem maklumat geografi di DUN Kedah. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space*, 9(4): 150 – 161.
- Sothi Rachagan. (1992). Constituency delimitation in Malaysia: A geographical interpretation. In Voon Phin Keong & Tunku Shamsul Bahrin. *The View from Within: Geographical Essays on Malaysia and Southeast Asia*. Department of Geography, Kuala Lumpur: University of Malaya. 383-411.
- Syed Azman Syed Ahmad Nawawi. (2003). *Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) Khianati Amalan Demokrasi Berparlimen?*. Shah Alam: Angkatan Edaran Ent. Sdn Bhd.